

Untuk Siaran Segera

REDtone akan membangunkan penyelesaian Internet-of-Things (IoT) untuk penanaman durian bersama Bangi Farm Resort

BANGI, Selangor (4 Ogos 2018): REDtone IoT Sdn Bhd (RISB), anak syarikat milikan penuh REDtone Internation Berhad ("REDtone") telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Bangi Farm Resort Sdn Bhd (BFR) untuk menerokai pembangunan penyelesaian perladangan pintar dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti durian di Malaysia.

Pihak yang terlibat dalam MoU tersebut diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO) REDtone, Encik Lau Bik Soon dan Pengarah BFR, Encik Tan Ban Keat. Majlis menandatangani MoU tersebut disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YBhg. Dato' Salahuddin Ayub.

Antara tetamu yang turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, YBhg. Dato' Mohd Sallehhuddin Hassan; Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), YBhg. Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), YBhg. Dato' Ahmad Ishak; serta Pengarah BFR, Encik Soh Chung-Ky.

Kepakaran REDtone dalam rangkaian bersepada dengan teknologi peringkat akhir, infrastruktur mobiliti, teknologi awan serta pelbagai platform analisis akan bermanfaat untuk menghasilkan penyelesaian perladangan berasaskan IoT yang dijangka mampu meningkatkan kualiti serta menggalakkan pengeluaran durian (termasuk durian Musang King yang popular) bagi memenuhi peningkatan permintaan dari pasaran luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan REDtone, Encik Lau berkata, "Rangkaian dan infrastruktur mobiliti, teknologi awan dan platform data besar serta kemahiran penyepaduan teknologi kami akan memperkembangkan kepakaran BFR dalam penanaman durian.

"Penyelesaian IoT kami mampu merevolusikan sektor perladangan dengan penggunaan penyelesaian IoT yang menawarkan data tepat dalam masa sebenar mengenai keadaan tanah dan air; ramalan cuaca; data besar yang memberikan maklumat mengenai serangan haiwan perosak, kualiti tanah; pemantauan CCTV walaupun di kawasan yang terpencil, serta sistem untuk pengesanan bermula daripada penghasilan durian ke pengedaran produk."

Beliau menambah, "RISB terlibat secara aktif untuk memacu inovasi dan penerimangunaannya dalam perladangan pintar. Kami komited untuk membina ekosistem kerjasama teknologi dalam bentuk perkongsian kerana kami yakin ini merupakan fakta penting untuk memaksimumkan nilai dan meningkatkan ketahanan ekonomi bagi projek-projek perladangan pintar".

“Malaysia memiliki kawasan penanaman durian kedua terbesar di Asia Tenggara. Kami yakin bahawa petani-petani yang berdepan dengan cabaran di kebun mereka, dan berhasrat untuk bertukar kepada penanaman durian yang lebih produktif dan berkualiti tinggi akan mendapat manfaat daripada penyelesaian IoT pintar kami.”

Pengarah BFR, Encik Tan yang berkongsi visi serupa dengan Encik Lau berkata, “BFR sentiasa memainkan peranan sebagai platform dan titik pertemuan untuk pelbagai aktiviti. Kami terlibat dalam penyelidikan, penuaian, perladangan, penanaman akuaponik, pokok buah-buahan, sayuran dan tanaman herba serta pemprosesan buah-buahan dan hasil tumbuh-tumbuhan lain.”

“Justeru, BFR gembira atas kerjasama dengan REDtone di bawah MoU yang berdasarkan princip pertemuan perladangan dengan teknologi. Gabungan antara teknologi canggih dan perladangan tradisional yang diadunkan secara sempurna akan menghasilkan standard baharu dan meningkatkan taraf bidang pertanian.

REDtone kini menerajui industri dalam penawaran penyelesaian IoT untuk perladangan. Pada awal tahun ini, REDtone bekerjasama dengan MIMOS Berhad untuk memperkenalkan beberapa aplikasi, antaranya termasuk Smart Greenhouse, Smart Aquafarming dan Augmented Reality sebagai sebahagian daripada inisiatif Digital Johor 4.0.

The Strait Times, Singapore* melalui satu artikel dalam talian melaporkan bahawa nilai eksport durian dari Malaysia telah meningkat dua kali ganda daripada US\$8.8 juta (RM35.8 juta) pada 2011 kepada hampir US\$18 juta (RM73.1 juta) pada 2017. Artikel ini juga melaporkan data Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perdagangan Komoditi bahawa Malaysia pada 2017 telah mengeksport lebih daripada 19,000 tan durian, kebanyakannya ke Singapura. Sepanjang satu dekad lalu (2007 – 2017), import durian dari China meningkat tiga kali lebih tinggi kepada hamper 300,000 tan.

Fakta ini memberikan petunjuk baik terhadap cadangan kerjasama antara REDtone dan BFR.

Nota untuk Pengarang:

*<https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysia-could-soon-export-fresh-musang-king-durians-to-china>

Mengenai REDtone International Berhad

REDtone International Berhad adalah anak syarikat Berjaya Corporation Berhad. Tersenarai di Bursa Malaysia, REDtone adalah peneraju syarikat telekomunikasi bersepadan dan pembekal perkhidmatan infrastruktur digital. Sebuah jenama tempatan dihormati yang ditubuhkan pada tahun 1996, REDtone telah berkembang daripada sebuah pembekal suara kepada syarikat yang menawarkan rangkaian perkhidmatan yang pelbagai di bawah tiga kategori utama: (i) perkhidmatan telekomunikasi – ia menawarkan data, suara, mudah alih dan pengurusan perkhidmatan keselamatan siber kepada kerajaan, perusahaan-perusahaan dan PKS. REDtone adalah satu-satunya pembekal perkhidmatan dalam industry yang menawarkan kepakaran infrastruktur bersepadan. Aksesnya kepada teknologi terkini turut membolehkannya menawarkan jalur lebar atas permintaan. (ii) pengurusan perkhidmatan



REDtone International Bhd (596364-V)

Suites 22-30, 5th floor, IOI Business Park, 47100 Puchong Selangor, Malaysia

T : +603 8073 2288 W : www.redtone.com

rangkaian telekomunikasi – ini termasuk bangunan, menyenggara dan mengendalikan hotspot WiFi berskala besar, stesen pangkalan dan infrastruktur fiber. (iii) perkhidmatan industri digital – ia menawarkan perkhidmatan awan dan aplikasi, perkhidmatan pangkalan data, Internet of Things (IoT) /perkhidmatan bandar pintar/system perladangan pintar dan penyelesaian penjagaan kesihatan kepada perusahaan, kerajaan dan industri penjagaan kesihatan. Kini, REDtone telah memenangi 35 anugerah tempatan dan antarabangsa untuk produk-produk dan perkhidmatannya yang inovatif. Terbaru, ia menggondol Anugerah 'Jenama Terbaik dalam Telekomunikasi' Brand Laureate dan anugerah 'Projek Cyber Security Malaysia Terbaik' ('Cyber Security Project of the Year') daripada CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.redtone.com.